

Headline	Semangat pengantin baharu		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	23 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	204 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,343		



Najib bersama pasangannya.

Semangat pengantin baharu

Kuala Lumpur: Pertahanan skuad hoki negara, Najib Abu Hassan mengaku semangatnya untuk kembali merebut tempat dalam skuad Malaysian Tigers semakin meluap-luap selepas mengakhiri zaman bujangnya, semalam.

Najib, 24, yang mendirikan rumah tangga dengan Marissa Affira Azizi di Selayang, sebelum ini terpaksa berehat panjang lima bulan kerana cedera PCL (Posterior Cruciate Ligament).

Ia menimpanya ketika Trofi Juara-Juara Asia di Oman, tahun lalu sehingga menyebabkan dia terlepas

dua kejohanan penting setakat ini.

"Saya memang pulih 100 peratus dan sudah menyertai latihan penuh bersama pasukan," kata Najib.

"Pada mulanya menyertai latihan seminggu sebelum Piala Sultan Azlan Shah memang sukar untuk biasakan diri, tetapi kini saya lebih yakin."

Sasar Jelajah Eropah

"Sasaran saya paling terdekat adalah untuk terpilih beraksi di Jelajah Eropah bulan hadapan. Setiap permain pasti mahu beraksi pada kejohanan besar dan begitulah juga dengan

saya," katanya.

Nama pertahanan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu sedikit tenggelam sejak kebelakangan ini berbanding pada 2016 apabila dia adalah kapten pasukan remaja kebangsaan.

Malah, masalah kecederaan yang menghantuiinya tahun ini menjadikan keadaan bertambah buruk buatnya.

"Tempoh rehat lima bulan ini paling lama sepanjang karier saya. Sekarang saya semakin yakin apabila turun beraksi di atas padang," katanya.